

E-BULETIN ZAKAT MELAKA



**SIMPOSIUM ZAKAT 2025:
MAJLIS PELANCARAN LOGO USAHAWAN BERKAT ZAKAT MELAKA**



**PERHIMPUNAN BULANAN AGENSI AGAMA
ISLAM NEGERI MELAKA BIL. 02/2025**




KEMBARA ZAKAT KEBANGSAAN 2025

KUTIPAN ZAKAT

JANUARI - MEI 2025

(RM 64,025,425.45)


STATISTIK KUTIPAN ZAKAT SEHINGGA 31 MEI 2025



PERBELANJAAN AGIHAN ZAKAT

JANUARI - MEI 2025


(RM 72,629,618.00)





13 Jun 2025, Jumaat

Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan Oleh Agensi-Agenzi Korporat Bersama TYT Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka



16 Jun 2025, Isnin

Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh Tabung Haji Bersama TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka



Zakat Melaka mempersembahkan

Podcast

Sembang Sikit Tapi Sampai

"Kepentingan Networking bagi Peningkatan Kutipan Zakat"

Hani Farhana Host

En Zuhri Iskandar Timbalan Menteri Negara Besar Johor
Dako Zakat Melaka

[Facebook](#) [X](#) [YouTube](#) [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#)

Zakat Melaka mempersembahkan

Podcast

Sembang Sikit Tapi Sampai

"Satu Kawasan, Seribu Cerita"

Encik Mohd Rizalman Host

Yang Berhormat
Dato' Dr. Ahmad Haji Helmy
Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong

[Facebook](#) [X](#) [YouTube](#) [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#)

SIMPOSIUM ZAKAT 2025
KELESTERIAN TATAKELOLA PENGURUSAN ZAKAT (SIPZ25)

YBhg. Dato' Seri Utama Abdu Razak Yusof

19 & 20 Jun 2025, Khamis & Jumaat

Simposium Zakat 2025: Kelesterian Tatakelola Pengurusan Zakat (SIPZ25)

Zakat Melaka mempersembahkan

Podcast

Sembang Sikit Tapi Sampai

Kalam Dai'e: Sembang Santai
“Betulkan “Mindset” Menuju Hijrah Yang Terbaik”

Ustaz Harith Hassan Host

Ustaz Haji Abd. Manap bin Mohamad
Dako Zakat Melaka


[Facebook](#) [X](#) [YouTube](#) [Zakat Melaka](#) [zakat.melaka](#)

Podcast Sembang Sikit Tapi Sampai



17 Jun 2025, Selasa

Bengkel Draf Penggubalan Peraturan Zakat & Fitrah Tahun 2025 (Siri 2)



30 Jun 2025, Isnin

Perhimpunan Bulanan Agensi Agama Islam Negeri Melaka Bil. 02/2025





PERNIAGAAN MEMBAWA PINTU KEBERKATAN

Apa itu perniagaan?

Bagaimana mahu dapatkan perniagaan yang berkat lagi menguntungkan?

Apa kaitan aktiviti perniagaan dengan ibadah zakat?

Perniagaan merupakan salah satu aktiviti jual beli barang atau perkhidmatan dengan tujuan utama memperoleh keuntungan. Ia melibatkan pertukaran nilai antara penjual dan pembeli untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan berdasarkan harga, masa, dan tempat yang sesuai. Proses ini biasanya melibatkan transaksi mata wang atau alat tukaran lain sebagai medium jual beli.

Jana perniagaan yang berkat lagi menguntungkan adalah menunaikan ibadah zakat. Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Dalam konteks perniagaan, zakat yang dikenakan dikenali sebagai Zakat Perniagaan, iaitu zakat yang dikeluarkan daripada harta perniagaan yang digunakan bagi menjana keuntungan.

Pelbagai perniagaan yang dijalankan tidak kiralah ia berskala kecil, sederhana mahupun besar, asalkan ia berdasarkan transaksi yang halal dan pemiliknya beragama Islam, maka kewajipan zakat tetap tertakluk sekiranya memenuhi syarat yang wajib yang telah ditetapkan oleh syarak.

Zakat Perniagaan wajib dikeluarkan apabila harta perniagaan mencapai nisab, iaitu bersamaan 85 gram emas semasa, dan cukup haul, iaitu setelah genap setahun perniagaan dijalankan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 267: "Wahai orang-orang yang beriman, belanjakanlah (pada jalan Allah SWT) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu." Ayat ini menekankan kewajipan berzakat daripada hasil usaha yang baik, termasuk hasil perniagaan. Imam Ibn Kathir dalam tafsirnya menyebut bahawa ayat ini merujuk kepada Zakat Harta Perniagaan.

Zakat perniagaan bukan sekadar pengiraan angka atau pemotongan pendapatan tahunan. Ia adalah simbol ketaatan seorang hamba kepada Rabb-nya, satu bentuk penyerahan diri yang ikhlas kepada ketetapan Allah SWT. Setiap ringgit yang dikeluarkan, walau kecil nilainya di mata manusia, besar ertiinya di sisi Tuhan.

Bayangkan ketika kita sibuk mengira keuntungan, ada insan lain sedang bergelut dengan kehidupan. Anak-anak yatim yang tiada baju sekolah, ibu tunggal yang mencari rezeki dengan menjaja kecil-kecilan, atau pelajar mualaf yang memerlukan bantuan untuk terus bertahan dalam pelajaran dan agama.

Dengan zakat yang kita tunaikan, kita menjadi jambatan antara kelapangan dan kekurangan, antara kejayaan dan harapan. Bukankah itu erti sebenar "rahmah" dalam Islam? Usahawan yang berzakat bukan hanya mengurus perniagaan, tetapi mengurus nilai-nilai tanggungjawab, nilai berkongsi, dan nilai ukhuwah.

Ingatlah, rezeki bukan milik mutlak manusia. Ia datang dengan amanah. Dan zakat adalah kunci untuk mengembalikan hak orang lain dalam harta kita, serta mengundang keberkatan yang menguntungkan. Oleh itu, saya menyeru kepada semua usahawan Muslim agar tidak memandang ringan kewajipan ini.

Zakat perniagaan bukan sekadar tuntutan agama, tetapi ia membawa rahmat dan jambatan keredaan Allah SWT dalam perniagaan. Ia membuka pintu keberkatan, memanjangkan rezeki dan memperkuuh hubungan sesama insan. Marilah sama-sama mengambil langkah bertanggungjawab untuk menunaikan Zakat Perniagaan ini. Jangan berlengah, kerana keberkatan tidak akan menunggu.



15 - 18 Julai 2025, Selasa _ Jumaat
**Kembara Zakat Kebangsaan
(KZK) di Negeri Johor**



ZAKAT EMAS



EMAS PERHIASAN

Ada Penolakan Uruf

EMAS YANG DIPAKAI, SEKIRANYA MELEBIHI
URUF 180 GRAM & HAUL 1 TAHUN

200 gram - 180 gram (Uruf) = 20 gram
20 gram x RM 473.67 (Harga emas semasa)= RM 9,473.40

Zakat yang wajib dibayar : RM 9,473.40 X 2.5% = RM 236.84

EMAS SIMPANAN

Tiada Penolakan

EMAS YANG DISIMPAN, SEKIRANYA MELEBIHI
NISAB 85 GRAM & HAUL 1 TAHUN

100 gram x RM 473.67 (Harga emas semasa)= RM 47,367.00

Zakat yang wajib dibayar : RM 47,367.00 X 2.5% = RM 1,184.18

ZAKAT PERAK

ZAKAT YANG DIKENAKAN KE ATAS PERAK
TERMASUKLAH YANG BERBENTUK:



- Syiling Perak
- Jongkong Perak
- Perkakasan daripada Perak
- Barang Perhiasan Perak
- Barang Kemas Perak

NISAB PERAK:
595 GRAM

Ijma' Ulama telah menetapkan nisab Zakat Perak sebanyak lima (5) auqiyah. Satu auqiyah bersamaan 40 dirham ($5 \times 40 = 200$ dirham) iaitu bersamaan 595 gram. [1 auqiyah = 119 grm].

Timbang Perak x Nilai Perak x 2.5%

1,000 gram x RM 5.68 (harga perak per unit) x 2.5% = RM 142.00

Talian Zakat:
1-300-88-0233

Zakat Melaka zakat.melaka www.izakat.com